

**P**ADA suatu majlis malam anugerah di sebuah hotel di ibu negara lebih daripada tiga tahun lalu, penganjurnya menampilkan seorang pelawak sebagai menyusuli persembahan dua penyanyi terkenal sebelumnya.

Yusof Chong, yang lazimnya dikenali berupaya meniru gaya dan cara pertuturan tokoh terkenal, menampilkan sedikit kelainan pada malam berkenaan dengan cerita penglipur lara mengenai lagu kegemaran sesetengah daripada mereka,

Didahului oleh tajuk lagu *Release Me* yang dikaitkannya dengan seorang bekas pemimpin yang sedang dipenjarakan, tiada apa yang memeranjatkan apabila tajuk lagu *My Way* diumumkan sebagai ke-sukaan pemimpin pada waktu itu. Ia memang diketahui ramai.

Sebaliknya, apa yang membuat ramai tidak kering gusi gara-gara Yusof ialah celotehnya bahawa apabila berkaitan dengan pemimpin berkenaan, ia bukan hanya berkisar kepada *My Way* tetapi *there's no other way*.

Siapa yang berani mempersendakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada waktu itu, atau menjadikan beliau bahan gurauan, kecuali mungkin hanya Lat yang lakaran kartunnya rata-rata boleh diterima ramai sebagai tidak memper-senda.

Hari ini, ia bukan lagi jenaka melainkan kunjungan ketika hari raya sejak Selasa lalu banyak menyaksikan perbualan hingga sesetengahnya membawa kepada perdebatan mengenai kritikan terbuka Tun Dr Mahathir terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Serangan terbaru dan berbisa Dr Mahathir terhadap Perdana Menteri hanya 24 jam selepas pertemuan empat mata antara mereka yang digambarkan berlangsung dalam suasana mesra, mengundang pelbagai persoalan, walaupun tidak pertikaian.

Di kampung, ramai menantikan kepulangan atau kunjungan sanak-saudara dari Kuala Lumpur untuk mendapatkan cerita lebih mendalam kerana ia seakan-akan sudah diterima bahawa warga kota lebih mengetahui apa sebenarnya berlaku di sekitar Putrajaya.

Bukan menghairankan jika kunjungan hari raya kali ini semakin kurang perbualan mengenai perkembangan saudara-mara yang sesetengahnya kali terakhir ditemui setahun lalu atau kampung halaman yang menampilkan perubahan dalam tempoh berkenaan.

Lebih tidak menghairankan apabila sembang-sembang, sama ada di anjung atau di ceruk dapur, sekadar memperkatakan kemarahan menggila Dr Mahathir, hanya untuk sebahagian mereka dikejutkan pula oleh surat terbuka bekas Perdana Menteri kelmarin.

Itu barangkali antara kelebihan Dr Mahathir yang tahu benar untuk memanfaatkan kesempatan. Apabila ia boleh menjadi lebih dramatik, apa saja peluang yang terluang akan dipergunakan untuk manfaat dirinya daripada terus dilupakan.

Dibandingkan dengan tiga tahun lalu,

Dr Mahathir bukan lagi pemimpin, sebaliknya seperti mana surat terbukanya kelmarin disudahi, beliau hanya warga negara Malaysia dan rakyat biasa - tidak berbeza dengan kebanyakan orang lain.

Apa yang berbeza Man Dr Mahathir pernah memimpin negara selama 22 tahun - sesuatu yang tidak pernah dikecapi oleh rakyat Malaysia lain - dan tentunya sepanjang tempoh itu namanya meniti dari bibir ke bibir atas apa pun sebab, alasan mahupun pencapaian.

Barangkali juga sukar untuk sesiapa saja menggambarkan perbezaan dialaminya melainkan Dr Mahathir sendiri yang dapat merasakannya ketika zaman beliau dihambat pelbagai undangan berbanding kini apabila jemputan dinanti-nantikannya.

Andainya disorot pertemuan empat mata di Seri Perdana, Ahad lalu, putaran waktu seolah-olah dikembalikan kepada era kepemimpinan sebelumnya apabila Dr Mahathir menyarung semula baju Perdana Menteri dengan menghamburkan segala tuntutan dan teguran selama satu setengah jam.

Tidak hanya diperlakukan seperti timbalannya dulu apabila Dr Mahathir memulakan bicara, Pak Lah turut diper-sendakan hanya kerana mendengar dan menulis catatan dalam buku nota kecilnya dan cuma berbaki masa kurang 30 minit daripada pertemuan dua jam itu untuk memberi pandangan balas.

Atau, daripada mula lagi ia sudah tidak menjurus kepada perbincangan hati ke hati apabila Dr Mahathir mertgeluarkan perakam suara sebagai ganti kepada keengganan Pak Lah terhadap kehadiran seorang saksi di pihak masing-masing.

Ia hanya membawa kepada andaian yang berkisar antara Pak Lah sebagai

seorang yang tidak boleh dipercayai, boleh menyembunyikan sebahagian butir perbincangan hingga kepada berkemungkinan memutarbelitkan apa yang diperkatakan Dr Mahathir kemudian.

Seiring dengan andaian kebarangkalian itu juga, keikhlasan terhadap apa yang ingin dibincangkan turut hilang. Apa yang menyusul selepas itu ialah percakapan Dr Mahathir dengan media yang dilihat sebagai memenangkan dirinya.

Sambil menyatakan rasa puas hatinya kerana dapat meluahkan apa yang ter-buku di hati secara terus kepada Pak Lah, seterusnya Dr Mahathir menyatakan beliau akan 'tunggu dan lihat' sama ada akan berlaku perubahan seperti dituntutnya dalam pertemuan itu.

Sikap 'tunggu dan lihat' Dr Mahathir cuma bertahan sehari. Hanya keesokannya, kritikan digandakannya terhadap Pak Lah, antara lain dengan dakwaan dasar kerajaan sekarang menyebabkan ekonomi negara terjejas teruk, rakyat menanggung akibat buruk jika dasar pentadbiran sekarang tidak diubah dan tindakan Perdana Menteri tidak baik untuk parti.

Tidak cukup dengan itu, surat terbukanya kelmarin menambah perisa serangan dengan mendakwa negara kini diselubungi iklim ketakutan dengan memberi gambaran kononnya Malaysia sudah benar-benar menjadi sebuah negara polis atas alasan Perdana Menteri langsung tidak boleh ditegur atau dikritik atau berdepan suatu bentuk tindakan.

Apakah iklim ketakutan yang dimaksudkannya pada ketika orang ramai masih bebas berbual mengenai apa saja yang diperkatakan Dr Mahathir terhadap Pak Lah hampir di mana saja pertemuan dan keramaian?

Sudah tentu juga di sebalik sebahagian yang bersetuju, harus ada sebahagian lagi yang tidak - bergantung kepada sebanyak atau sesedikit mana masing-masing tahu mengenai hal yang dibualkan.

Harus juga ia sudah sampai ke satu peringkat di mana Dr Mahathir tidak dapat lagi mendengar sebarang pandangan atau penjelasan yang berbeza daripada teguran dan kritiknya kerana pertemuan empat mata sekalipun tidak bermakna apa-apa.

Daripada sebelum pertemuan itu apabila ramai yang masih menaruh harapan terhadap sebarang bentuk persefahaman atau penyelesaian, harus kini ramai beranggapan pertemuan seumpamanya pada waktu berbeza tidak pun berupaya diadakan Semula.

Di sebalik Pak Lah sendiri berusaha keras mengelakkan sebarang pertelagahan dengan serangan balas, pernah juga terpacul kata-kata ini daripada mulutnya: "Dr Mahathir kini cuba mengaiihkan apa saja yang diperkatakan orang terhadapnya pada masa lalu untuk berpindah kepada saya."

Harus mereka yang cenderung kepada Dr Mahathir tidak sekali-kali mengakuinya demikian, tetapi semakin banyak diperkatakan bekas Perdana Menteri, jika diamati semakin banyak pula menyerlahkan zaman kepemimpinannya.

Dr Mahathir mungkin sudah lama bersara, tetapi serangan dan kritiknya sepanjang enam bulan lalu membawa kepada rumusan bahawa apa saja perancangan dan warisannya diabaikan.

Mungkin juga Yusof Chong tidak silap dengan tafsirannya bahawa hanya cara Dr Mahathir dan tiada cara lain yang harus dilakukan. Untuk itu berlaku, waktu harus diputar ke belakang.

# Kebarangkalian tidak berkemungkinan

## Dr Mahathir harus akur kepemimpinan Pak Lah tak akan serupa